



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	-			

Aktiviti bersih tanah persendirian - Exco

Sinar, 13 Sept
2021_30

Namun pemilik tanah tidak dapat kebenaran MPAJ bagi kerja-kerja pembersihan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Aktiviti pembersihan hutan yang dikesan di lereng Bukit Tabur berhampiran Permatang Kuarza, Hulu Klang dilakukan di atas tanah milik individu.

Bagaimanapun, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian berkata, pemilik tanah tersebut tidak mendapat kebenaran daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi kerja-kerja pembersihan kawasan itu.

"Hasil semakan juga mendapati jarak terhampir antara hutan simpan dan tanah milik individu tersebut adalah lebih kurang 30 meter," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Loy Sian berkata, semakan dan penyelidikan itu dijalankan Pejabat Renjer Hutan Gombak bersama Pejabat Tanah dan

PEMBERSIHAN HUTAN DI BUKIT TABUR

Daerah Gombak.

"Aduan berkaitan pembersihan hutan telah diterima melalui Facebook Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) pada Jumaat," kata beliau lagi.

PEKA sebelum ini memuat naik status di Facebook beberapa keping gambar yang menunjukkan sedang berlaku aktiviti pembersihan hutan di pinggir Bukit Tabur berhampiran Permatang Kuarza Genting Klang.

Sinar Harian pada Sabtu melaporkan, kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak tidak bertanggungjawab di Bukit Tabur telah dihentikan hasil siasatan pihak berkuasa.

Perkembangan itu dimaklumkan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi ciapan di laman Twitternya pada Sabtu.

Beliau berkata, hasil semakan lanjut dilakukan MPAJ dan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak mendapati tiada sebarang kelulusan diberikan untuk aktiviti pembangunan di kawasan terbabit.



Aktiviti pembersihan hutan di lereng Bukit Tabur, Hulu Klang mencetuskan kebimbangan kerana ia dilakukan kira-kira 30 meter dari hutan simpan.

